



HALA TUJU PENDIDIKAN TINGGI ISLAM DALAM MEMACU TRANSFORMASI MALAYSIA MADANI

THE DIRECTION OF ISLAMIC HIGHER EDUCATION IN DRIVING THE TRANSFORMATION OF MALAYSIA MADANI

Mohd Nasrun Mohd Talib^{1*}, Mohd Hafizi Nurodin², Jamal Adli Ahmad Shukri³, Ahmad Nur Amsyar Zainal⁴, Ahmad Azharuddin Abdul Sattar⁵, Saifulazry Mokhtar^{6*}

- ¹ Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah (IPDAS), Keningau, Sabah, Malaysia
Email: nasrun.talib@islam.gov.my
 - ² Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah (IPDAS), Keningau, Sabah, Malaysia
Email: mohdhafizi@islam.gov.my
 - ³ Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah (IPDAS), Keningau, Sabah, Malaysia
Email: jamal_adli@islam.gov.my
 - ⁴ Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah (IPDAS), Keningau, Sabah, Malaysia
Email: amsyar@islam.gov.my
 - ⁵ Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah (IPDAS), Keningau, Sabah, Malaysia
Email: ahmad.azharuddin@islam.gov.my
 - ⁶ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.07.2024
Revised date: 12.08.2022
Accepted date: 10.09.2024
Published date: 26.09.2024

To cite this document:

Talib, M. N. M., Nurodin, M. H., Shukri, J. A. A., Zainal, A. N. A., Sattar, A. A. A., & Mokhtar, S. (2024). Hala Tuju Pendidikan Tinggi Islam Dalam Memacu Transformasi Malaysia Madani. *International*

Abstrak:

Pendidikan tinggi Islam memainkan peranan penting dalam pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara madani. Konsep Malaysia Madani menekankan pembangunan yang inklusif, berasaskan nilai-nilai moral dan etika yang tinggi serta menjadikan keadilan sosial dan integriti sebagai teras utama. Dalam konteks yang membincangkan tentang pendidikan, pendidikan tinggi Islam perlu dirangka dengan strategi yang bukan sahaja memperkukuhkan pengetahuan agama tetapi juga membekalkan kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa. Transformasi teknologi terkini iaitu *Artificial Intelligence* (kecerdasan buatan) AI yang semakin canggih telah diterapkan ke dalam semua aspek keperluan kehidupan termasuklah Pendidikan digunakan di saentero dunia. Bertunjangkan arus pembangunan, Pendidikan Tinggi Islam perlu melakukan penerapan tranformasi bagi melestarikan Pendidikan Negara terus relevan sesuai dengan arus kemajuan terkini bagi melahirkan masyarakat madani. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan adalah untuk meninjau dan menganalisis hala tuju Pendidikan

Journal of Modern Education, 6 (22),
232-246.

DOI: 10.35631/IJMOE.622018

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Tinggi Islam dalam memacu Transformasi Malaysia Madani dengan berpandukan perbincangan kajian lepas terhadap peranan dan kepentingan Pendidikan Tinggi Islam kepada pembangunan negara. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif iaitu menerusi pendekatan analisis dokumen dan kajian yang berkaitan dengan hala tuju Pendidikan Tinggi Islam dalam memacu Transformasi Malaysia Madani. Hasil kajian mendapati peranan Pendidikan Tinggi Islam sangat diperlukan dalam memacu Malaysia Madani masakini. Selain itu, kajian ini juga mendapati Pendidikan Tinggi Islam sangat berkait rapat dengan Teknologi AI serta membincangkan isu dan cabaran dihadapi oleh Pendidikan Tinggi Islam dalam merealisasikan Malaysia Madani. Kajian ini mengharapkan agar pembentukan Malaysia Madani perlu selaras dan sejajar dengan penerapan objektif Pendidikan Tinggi Islam.

Kata Kunci:

Keadilan Sosial, Kecerdasan Buatan, Malaysia Madani, Pendidikan Tinggi Islam, Transformasi Teknologi

Abstract:

Islamic higher education plays a crucial role in shaping Malaysia as a civil society. The concept of Malaysia Madani emphasizes inclusive development, grounded in high moral and ethical values, with social justice and integrity as its core principles. In the context of education, Islamic higher education must be strategically designed to not only strengthen religious knowledge but also equip individuals with skills and values relevant to contemporary needs. The latest technological transformation, namely Artificial Intelligence (AI), has been integrated into all aspects of life, including education, and is utilized worldwide. Anchored in the current development trend, Islamic higher education must adopt transformative measures to ensure that the national education system remains relevant and aligned with the latest advancements, fostering a civil society. This study uses a qualitative methodology, namely through the approach of document analysis and research related to the direction of Islamic Higher Education in driving the Transformation of Malaysia Madani. The results of the study found that the role of Islamic Higher Education is indispensable in driving Malaysia Madani today. In addition, this study also found that Islamic Higher Education is closely related to AI Technology and discusses the issues and challenges faced by Islamic Higher Education in realizing Malaysia Madani. This study hopes that the formation of Malaysia Madani should be in line with the implementation of the objectives of Islamic Higher Education.

Keywords:

Artificial Intelligence (AI), Malaysia Madani, Islamic Higher Education, Technological Transformation

Pengenalan

Pendidikan merupakan satu elemen terpenting dalam membina sesebuah tamadun. Menurut Adawiyah dan Dewinggih (2019) menjelaskan bahawa pendidikan dalam konsep pengembangan masyarakat merupakan dinamisasi dalam pengembangan manusia yang beradab. Pendidikan tidak hanya terbatas pada proses peralihan ilmu pengetahuan (*Transfer of knowledge*) sahaja, namun ia juga berfungsi mengembangkan kemampuan dan membentuk watak serta peradaban bangsa yang bermartabat dalam rangka mencerdaskan kehidupan bangsa, bertujuan untuk berkembangnya potensi mahasiswa agar menjadi manusia yang

beriman dan bertakwa. Manakala menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2021a) pula menyatakan pendidikan adalah satu proses penyampaian ilmu dari seorang individu kepada individu lain. Tanpa ilmu pengetahuan yang secukupnya sudah pasti para pelajar akan hanyut dibawa arus gelombang dunia yang tiada sempadan. Ilmu yang mantap akan dapat memacu seseorang pelajar untuk sentiasa berada tepat pada landasannya serta dapat membina landskap kehidupan dengan baik (Mokhtar & rakan-rakan, 2022a).

Menurut Mohd Nor dan Wan Othman (2011) menukulkan pandangan beberapa cendekiawan Islam Dalam mentafsirkan istilah Pendidikan. Antara tokoh sarjana Islam telah mengemukakan pendapat adalah al-Hazimi memetik pandangan al-Baidawi yang menyatakan pendidikan ialah satu proses menyampaikan sesuatu perkara sehingga mencapai kesempurnaan yang dilakukan secara berperingkat-peringkat. Beliau juga mengemukakan pandangan al-Asfahani yang mendefinisikan bahawa pendidikan sebagai proses membentuk sesuatu yang dilakukan secara berperingkat dan tersusun sehingga mencapai kepada keadaan yang paling sempurna. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2019) Pendidikan adalah satu sistem dalam sesebuah kehidupan manusia dimana ia merangkumi pelbagai aktiviti yang berkait rapat dengan pembentukan dan perkembangan ilmu, kerohanian, kemahiran dan jasmani. Secara konseptualnya, pendidikan itu hanyalah satu reka bentuk latihan bagi membentuk diri individu, masyarakat dan negara sesuai dengan realiti dan perkembangan semasa. Dewasa ini, pendidikan bukan sahaja dapat dijalankan secara formal secara bersemuka, tetapi turut dapat dilaksanakan secara dalam talian (Mokhtar & rakan-rakan, 2021c).

Walaupun pada kebiasaannya proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) tertumpu kepada kaedah bersemuka iaitu PdP dalam bilik darjah, dewan kuliah ataupun bilik tutorial, namun perubahan besar dalam kaedah pembelajaran perlu dilakukan. Apatah lagi jika berlaku dalam keadaan pandemik yang melanda negara di mana setiap lapisan masyarakat harus kekal berada di rumah bagi memutuskan rantaian virus yang menular seperti mana Pandemik Covid-19 yang melanda negara kita dan dunia kebelakangan ini (Mokhtar & rakan-rakan, 2021d). Pendekatan baharu dalam kaedah pengajaran ini adalah selaras dengan perkembangan teknologi dunia di mana proses pencapaian ilmu dapat dicapai dalam masa yang singkat. Dengan kaedah ini juga, para ilmuwan khususnya golongan agamawan perlu mencorak kaedah terkini dalam menerapkan nilai Islam menerusi media sosial yang ada agar tidak ketinggalan dalam menyebarkan syiar Islam di seluruh dunia.

Dalam konteks negara Malaysia, Pendidikan Tinggi Islam merujuk kepada institusi pendidikan yang menyediakan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan prinsip dan nilai Islam. Ia meliputi universiti, kolej, dan institusi lain yang menawarkan program pengajian di peringkat sarjana muda, sarjana, dan doktor falsafah dalam bidang-bidang yang relevan dengan ajaran Islam seperti Syariah, Usuluddin, Dakwah, dan Pendidikan Islam (Mohd Noor, 2017). Institusi-institusi ini bukan sahaja memberi penekanan kepada ilmu pengetahuan duniawi tetapi juga menekankan aspek kerohanian dan akhlak yang selari dengan nilai-nilai Islam. Menurut Mokhtar dan Thia (2023a), proses pembelajaran adalah suatu tuntutan yang sangat ditekankan oleh agama kepada penganutnya. Boleh dikatakan semua agama yang ada di alam nyata ini menyarankan penganutnya untuk menuntut ilmu khususnya agama Islam.

Seiring dengan perubahan tampuk kepimpinan negara Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim Perdana Menteri Malaysia mengemukakan gagasan Malaysia Madani sebagai dasar pemerintahan negara (Bernama, 2023). Menurut Sulaiman (2023) menjelaskan tentang

gagasan Malaysia Madani merupakan satu dasar yang merujuk kepada negara Malaysia yang mengimpikan penduduknya yang membangun dari aspek pemikiran. Malaysia Madani yang diperkenalkan adalah berasaskan kepada enam prinsip terdiri daripada enam tonggak dasar iaitu M (keMampanan), A (kesejAhteraan), D (Daya cipta), A (hormAt), N (keyakiNan) dan I (Ihsan). Dasar Malaysia Madani ini turut terkait dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menyatakan bahawa 'Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan'. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan untuk meninjau dan menganalisis hala tuju Pendidikan Tinggi Islam dalam memacu Transformasi Malaysia Madani dengan berpanduan perbincangan kajian lepas berkaitan peranan dan kepentingan Pendidikan Tinggi Islam kepada pembangunan negara.

Sorotan Kajian

Sebelum kajian ini dijalankan, terlebih dahulu penulis melaksanakan sorotan kajian berpaksikan kepada tajuk *Hala Tuju Pendidikan Tinggi Islam dalam Memacu Transformasi Malaysia Madani*. Secara khasnya, memang tiada kajian yang menjurus kepada tajuk yang dikupas. Walau bagaimanapun, sorotan ini telah dipecahkan kepada dua aspek utama dalam kajian yang dijalankan iaitu kajian berkaitan dengan pengajian tinggi dan masyarakat madani. Kajian yang dijalankan oleh Md Noor dan rakan-rakan (2017) bertujuan untuk menganalisa peranan yang dimainkan oleh IPTA aliran Islam, dengan memilih Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya sebagai fokus utama. Kajian tersebut mengandungi beberapa bahagian utama seperti pengenalan tentang konsep modal insan dan kepentingannya untuk pembangunan negara, Konsep Modal Insan di Malaysia, Konsep Modal Insan: perbandingan Perspektif Sarjana Barat dan Islam serta Pendekatan APIUM dalam Isu modal insan.

Selain itu, kajian Meerangani dan rakan-rakan (2021) pula bertujuan menganalisis implementasi gagasan integrasi ilmu dalam penawaran program akademik di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). Kajian tersebut diharapkan agar dapat melahirkan golongan yang bertaqwa dan progresif bertepatan dengan hasrat Kerajaan Negeri Melaka yang mahukan generasi berpengetahuan dan berkebolehan dalam pelbagai bidang pengajian Islam, teknologi, sains sosial dan ilmu terkini di samping memiliki daya ketahanan tinggi bagi menangani cabaran semasa. Manakala dalam kajian Ismail dan rakan-rakan (2012) pula bertujuan mengenal pasti sejauh manakah tahap pengetahuan Islam bangsa Melayu di Malaysia. Hasil dapatkan kajian beliau menunjukkan bahawa tahap pengetahuan Islam responden adalah sangat tinggi oleh kedua-dua kategori responden dan ini jelas menunjukkan bahawa sistem pendidikan Islam di Malaysia telah memberi kesan yang signifikan sekurang-kurangnya kepada penyerapan nilai-nilai asas Islam seperti akidah, syariah dan akhlak kepada belia Melayu di Malaysia.

Kajian sorotan berkaitan masyarakat madani turut dijadikan sebagai kayu ukur kepada kajian ini. Dalam kajian Ismail (2023) menyatakan tema-tema yang mendirikan konsep negara Madani yang menjadi agenda penting Perdana Menteri ke-10 mengandungi ciri pembinaan diri cara Islam yang akrab dengan disiplin Tasawwuf. Tambahan beliau lagi, berdasarkan konteks masyarakat Madani, kajian berkenaan penyeragaman tema-tema Madani dengan kefahaman yang dihasilkan oleh al-Ghazali wajar dilakukan. Hasil dapatkan kajian beliau menunjukkan rukun-rukun yang membina tafsiran tema-tema Madani masih berakarkan Tasawwur nilai Islam atau tasawuf sekalipun spektrum politik kerajaan multi-posisi.

Kajian Abdullah dan rakan-rakan (2023) pula adalah berkaitan dengan penelitian Masyarakat Madani di Malaysia. Menurut beliau, dalam konteks masyarakat dan negara berbilang kaum dan agama, teras tamadunnya haruslah dibentuk daripada unsur-unsur universal, iaitu asas-asas yang diterima sebagai kepunyaan semua kaum dan semua agama. Hanya dengan cara demikian sahaja sesuatu teras tamadun itu boleh menjadi penyatu yang berkesan. Hasil dapatan kajian beliau menunjukkan kerangka asas acuan masyarakat Madani yang dislogan oleh Perdana Menteri masa kini adalah relevan dan realistik untuk dilaksanakan di Malaysia. Tradisi pendekatan pemeraksanaan nilai sosial dalam menangani isu-isu besar yang melibatkan kepentingan semua kelompok etnik dan agama, iaitu permuafakatan, pendekatan kepada hikmah kolektif bangsa dan negara yang banyak kebaikan selama ini haruslah dikekalkan dan dipelihara dengan sebaiknya serta perlu diperkukuhkan. Bagi kajian Ilma & Alfian (2020) pula menyatakan masyarakat madani merupakan satu bentuk masyarakat yang ideal yang dicita-citakan oleh setiap bangsa dengan menjadikan Islam sebagai kayu ukurnya. Hilangnya pengamalan Islam dalam kehidupan akan memberikan kesan yang negatif dalam kehidupan bermasyarakat.

Metodologi Kajian

Kajian ini mula dijalankan pada Januari 2024 sehingga Julai 2024. Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan pendekatan analisis kandungan melalui dokumen dan kajian yang berkaitan dengan Hala Tuju Pendidikan Tinggi Islam dalam memacu Transformasi Malaysia Madani. Data dan maklumat yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan disusun secara tematik. Dokumen-dokumen yang dianalisis adalah berkaitan dengan kajian yang mampu menyumbang kepada pembangunan Pendidikan Tinggi Islam. Rujukan terhadap artikel jurnal, buku serta bahan bacaan ilmiah turut digunakan bagi mendapatkan maklumat serta menguatkan lagi fakta dalam kajian ini.

Hala Tuju Pendidikan Tinggi Islam Dalam Memacu Transformasi Malaysia Madani

Bagi memastikan hala tuju Pendidikan Tinggi Islam dalam memacu transformasi Malaysia Madani, terdapat beberapa perkara yang perlu dititik beratkan. Antara hasil dapatan kajian yang akan dibincangkan dalam bahagian ini termasuklah perkembangan Pendidikan Tinggi di Malaysia, peranan dan sumbangan Institusi Pendidikan Tinggi, Peranan Pendidikan Tinggi Islam dalam memacu Malaysia Madani, hubungkait Pendidikan Tinggi Islam dengan teknologi AI, transformasi Pendidikan Tinggi Islam melalui teknologi AI serta isu dan cabaran dihadapi dalam hala tuju Pendidikan Tinggi Islam. Kupasan lanjut berkaitan dapatan kajian adalah seperti berikut.

Perkembangan Pendidikan Tinggi di Malaysia

Perkembangan Pendidikan di Malaysia berlaku dalam dua keadaan iaitu sebelum merdeka dan selepas merdeka serta pembentukan Malaysia. Menurut Asnawi dan rakan-rakan (2021) menjelaskan bahawa perkembangan pendidikan negara berlaku dengan beberapa keadaan yang menunjukkan perubahan yang jelas. Menurut Asnawi dan rakan-rakan (2021), era sebelum merdeka menunjukkan beberapa sistem pendidikan telah terlaksana iaitu sekolah pondok dan sekolah vernakular. Sekolah pondok merujuk kepada pembelajaran bidang Pendidikan Islam yang dilaksanakan di surau, balai raya, rumah tuan guru dan rumah ketua kampung. Manakala sekolah vernakular adalah sistem pembelajaran di sekolah yang didirikan oleh penjajah Jepun dan British. Namun terdapat juga pengajian peringkat tinggi yang awal didirikan antaranya Maktab Perguruan Sultan Idris kini dikenali sebagai Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Malaya (UM).

Pasca merdeka dan pembentukan negara Malaysia pula menunjukkan perkembangan yang pesat berlaku dalam sistem pendidikan di Malaysia. Menurut Asnawi dan rakan-rakan (2021) menjelaskan perkembangan pendidikan pada fasa ini adalah berpandukan pada laporan Razak 1956 yang menubuhkan Jawatankuasa Pendidikan Negara dengan memasukkan 17 perkara bagi memastikan pendidikan dapat disampaikan kepada semua lapisan masyarakat. Dalam konteks Pendidikan Tinggi, ia mula diperluaskan setelah Perang Dunia Ke-2 kerana kesedaran politik yang semakin meningkat mengenai kepentingannya untuk prospek masa hadapan negara. Mohd Nawi (2021) menjelaskan bahawa perkembangan Pendidikan Tinggi di Malaysia berkembang pesat bermula pada 1970 yang mana tertubuhnya beberapa buah university seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Institut Teknologi MARA kini Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Sehingga kini, terdapat sebanyak 20 Universiti Awam dan 354 buah institusi swasta meliputi university, kolej dan institusi kemahiran.

Peranan dan Sumbangan Institusi Pendidikan Tinggi

Institusi Pendidikan Tinggi Islam memainkan peranan dalam membangunkan generasi berilmu. Menurut Mohd Noor (2017) menyatakan bahawa Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia mempunyai peranan yang sangat penting dalam membentuk modal insan kepada masyarakat bagi mencapai masyarakat kelas pertama membangun dari aspek intelek dan spiritual. Menurut Ibrahim (2023) yang memperkenalkan Dasar Malaysia Madani yang menyentuh tentang ihsan menunjukkan bahawa pendidikan menyumbang kepada pembentukan nilai ihsan dalam masyarakat kerana ia berkait rapat dengan prinsip Islam. Antara peranan Pendidikan Tinggi Islam adalah seperti dalam jadual 1 berikut.

Jadual 1: Peranan Pendidikan Tinggi Islam

Bil.	Peranan Pendidikan Tinggi Islam	
1.	Menyediakan Pendidikan Berkualiti	Menawarkan program pengajian dalam pelbagai bidang seperti Syariah, Usuluddin, Dakwah, dan Pendidikan Islam. Ini memastikan graduan yang dihasilkan berpengetahuan luas dan mempunyai asas yang kukuh dalam ajaran Islam.
2.	Pembentukan Akhlak dan Kepimpinan:	Mengintegrasikan ilmu duniawi dan ukhrawi, membantu membentuk individu yang berakhlak mulia dan mempunyai kepimpinan yang berintegriti.
3.	Penyelidikan dan Pembangunan	Melaksanakan penyelidikan dalam bidang yang relevan dengan Islam serta isu-isu kontemporari, menyumbang kepada pembangunan ilmu pengetahuan dan masyarakat

Sumber: Kajian Penyelidikan 2024

Merujuk kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan (2017) menyatakan ‘Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan’. Dasar ini menunjukkan bahawa Institusi Pendidikan Tinggi memainkan peranan penting yang boleh menyumbang kepada:

i. Pembangunan Modal Insan:

Melahirkan graduan yang bukan sahaja berilmu tetapi juga berakhlak, yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

ii. Penyelesaian Masalah Sosial:

Melalui penyelidikan dan khidmat masyarakat, institusi pendidikan tinggi Islam membantu menyelesaikan isu-isu sosial dan ekonomi dalam masyarakat.

iii. Memperkukuh Identiti Islam:

Meningkatkan kesedaran dan pemahaman terhadap ajaran Islam dalam kalangan masyarakat, serta memelihara dan memperkukuh identiti dan budaya Islam di Malaysia.

Peranan Pendidikan Tinggi Islam dalam Memacu Malaysia Madani

Dasar Malaysia Madani yang menyentuh tentang nilai ihsan merupakan elemen penting dalam sistem pendidikan untuk memacu dasar pentadbiran negara. Berdasarkan penerangan oleh Othman dan rakan-rakan (2024) menyatakan bahawa nilai ihsan dalam pendidikan merupakan wasilah dan aspek yang penting dalam melahirkan pelajar yang berpengetahuan, bersikap baik serta berkemahiran dalam pelbagai sudut. Ia mempunyai kaitan rapat yang mampu menyumbang kepada perkara seperti rajah 1 berikut.



Rajah 1: Peranan Pendidikan Tinggi Islam Dalam Memacu Malaysia Madani

Sumber: Kajian Penyelidikan 2024

- i. Membentuk insan berakhlak mulia dan berpengetahuan luas

Pendidikan Tinggi Islam memainkan peranan penting dalam melahirkan individu yang tidak hanya memiliki ilmu pengetahuan yang luas tetapi juga akhlak yang mulia. Kurikulum yang mengintegrasikan ilmu duniawi dan ukhrawi memastikan graduan yang dihasilkan mampu berfikir secara kritis dan bertindak berdasarkan nilai-nilai Islam.

- ii. Menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi

Graduan yang dilahirkan dari Institusi Pendidikan Tinggi Islam sering terlibat dalam sektor-sektor seperti perbankan Islam, undang-undang syariah, dan pendidikan. Mereka membawa pengetahuan dan kemahiran yang relevan, menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial yang seimbang dan adil.

- iii. Mengukuhkan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat

Pendidikan Tinggi Islam juga memupuk nilai-nilai seperti toleransi, keadilan, dan kesederhanaan. Ini membantu mengukuhkan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat yang berbilang kaum dan anutan di mana setiap individu dihargai dan diperlakukan dengan adil.

- iv. Menyediakan kepimpinan berwibawa

Pendidikan Tinggi Islam melahirkan pemimpin yang berwibawa dan berintegriti tinggi kerana prinsip yang berpandukan syiar Islam yang jelas. Graduan ini dilatih untuk menjadi pemimpin yang bijaksana, adil, dan bertanggungjawab, mampu memimpin dengan nilai-nilai Islam yang kukuh. Ini sepertimana kajian Mokhtar dan rakan-rakan (2021e) mengatakan penerapan nilai-nilai Islam dalam kehidupan dapat melahirkan sebuah masyarakat Madani yang penuh dengan kesejahteraan.

Hubungkait Pendidikan Tinggi Islam Dengan Teknologi Aritificail Intelligence (AI)

Matlamat utama Pendidikan Tinggi Islam adalah mencapai kesempurnaan manusiawi melalui proses penyampaian ilmu dan pemindahan maklumat secara berperingkat (Mohd Nor & Wan Othman, 2011). Melihat sejarah perkembangan ilmu pendidikan Islam, kita dapat melihat bagaimana cabang-cabang ilmu Islam telah dipelihara melalui rantai sanad ilmu secara turun-temurun. Penjagaan sanad ilmu ini dianggap lebih autentik kerana ia memerlukan murid untuk berhadapan secara langsung dengan seorang guru, atau *talaqqi*, untuk menyerap ilmu yang disampaikan. Namun, pada masa kini, *input* dan informasi agama dapat diperoleh melalui mesin dan aplikasi digital, membolehkan murid mengakses ilmu dengan lebih cepat, mudah, dan kos yang lebih rendah. Dengan bantuan teknologi kecerdasan buatan (AI), manuskrip lama dan kitab tradisional kini dapat diakses oleh generasi terkini. Selain itu, teknologi ini juga berjaya mengatasi halangan bahasa dengan membolehkan penyampaian ilmu diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa di seluruh dunia.

Pendidikan Tinggi Islam yang merujuk kepada institusi pendidikan yang menyediakan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan prinsip dan nilai Islam meliputi universiti, kolej, dan institusi lain perlulah menawarkan program pengajian di peringkat sarjana muda, sarjana, dan doktor falsafah secara relevan kepada pelanggan masa kini (Mohd Noor, 2017). Penyampaian kursus-kursus pengajian dalam bidang Syariah, Usuluddin, Dakwah, dan Pendidikan Islam


perlu ditambah baik dari semasa ke semasa dengan menggabungkan elemen teknologi digital kecerdasan buatan (AI) agar mahasiswa dan mahasiswi mampu menyerap ilmu dengan lebih lumat, jama dan utuh. Pada masa yang sama, pemberi-pemberi pendidikan tinggi Islam hendaklah mengambil cakna, bukan sahaja memberi penekanan kepada ilmu pengetahuan, tetapi juga menekankan aspek kerohanian dan pembinaan akhlak yang selari dengan nilai-nilai Islam. Sistem yang canggih sahaja tidak akan membuahkan hasil yang diharap-harapkan sekiranya sistem itu tidak ditangani dengan baik dan tidak dapat diterjemahkan dengan betul oleh manusia-manusia yang diberikan peranan bagi mencapai tujuan dan falsafah pendidikan.

Hala tuju pendidikan tinggi Islam pada masa hadapan berpotensi untuk menjadi lebih sofistikated melalui penggabungan ilmu wahyu dan ilmu akal manusia yang selaras dengan hukum syarak, serta keterbukaannya terhadap penggunaan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Untuk memastikan Pendidikan Tinggi Islam kekal relevan dan menarik, adalah penting untuk merancang sistem pendidikan yang berkesan dan memanfaatkan teknologi digital. Ini akan menghasilkan modal insan yang cemerlang. Oleh itu, keupayaan dan kecekapan sumber manusia, serta dasar-dasar yang digubal dalam sistem Pendidikan Tinggi Islam, perlu disokong oleh teknologi canggih yang memudahkan penyampaian pembelajaran selaras dengan perkembangan era globalisasi kini (Mokhtar & rakan-rakan, 2023b).

Transformasi Pendidikan Tinggi Islam melalui Teknologi AI

Abdullah dan rakan-rakan (2020) menjelaskan penggunaan teknologi AI dalam pendidikan adalah sangat meluas kerana ia dapat memberi kesan yang mendalam kepada pelajar dan juga pengajar. Sifat pembelajaran adalah bagaimana kita berinteraksi dengan persekitaran. Kaedah berteraskan komputer yang boleh menyelesaikan masalah dan bertindak seperti pemikiran manusia adalah paling tepat digunakan pada masa kini. Teknologi AI mempunyai potensi dan kepentingan tersendiri untuk merevolusikan sistem pembelajaran dilaksanakan di Malaysia. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2022b), penggunaan media sosial seperti *Facebook* dapat memberikan beberapa kesan baik dalam kesepaduan nasional termasuklah dapat memahami antara satu sama lain, pendidikan, persahabatan dan sebagainya.

Menurut Omar (2023), perkembangan teknologi adalah keperluan utama dalam sistem pendidikan di Malaysia, yang merupakan tunjang pembangunan masyarakat dan ekonomi negara. Menurutnya lagi, sistem pendidikan tradisional sering menghadapi cabaran seperti jurang kualiti dan aksesibiliti, sumber terhad, dan kesukaran menyesuaikan diri dengan perubahan. Penggunaan kecerdasan buatan yang dikenali dengan AI dalam pendidikan menawarkan potensi luar biasa untuk menangani isu-isu ini dan membawa transformasi positif dalam sistem pendidikan. Teknologi AI dalam pendidikan mempunyai kepentingan tersendiri yang menyumbang kepada beberapa elemen dalam proses pembelajaran termasuklah dalam Pendidikan Tinggi. Antara kepentingan teknologi AI dalam pendidikan adalah seperti rajah 2 berikut.



Rajah 2: Kepentingan Teknologi AI dalam Pendidikan

Sumber: Kajian Penyelidikan 2024


- i. Peningkatan Kualiti Pembelajaran
 - a. Pembelajaran Kendiri / *Personal Learning*: AI membolehkan pembelajaran yang disesuaikan dengan keperluan dan kemajuan setiap pelajar.
 - b. Sumber Pembelajaran Digital: Akses kepada e-buku, video, dan jurnal ilmiah secara digital.
- ii. Kecekapan Pengurusan Pendidikan
 - a. Automasi Tugas: Mengurangkan beban pentadbiran melalui automasi tugas atau serahan tugas seperti penjadualan, penilaian, dan pengurusan rekod.
 - b. Analisis Data: Menganalisis prestasi pelajar untuk mengenalpasti kawasan yang memerlukan penambahbaikan.
- iii. Pembangunan Kurikulum Inovatif
 - a. Reka Bentuk Kurikulum: Merancang kurikulum yang relevan dan bersesuaian dengan perkembangan semasa dan keperluan industri.
 - b. Kandungan bersifat Interaktif: Menghasilkan kandungan pembelajaran yang lebih interaktif melalui simulasi dan gamifikasi agar mudah difahami.
- iv. Sokongan kepada Tenaga Pengajar
 - a. Alat membantu AI: Menyediakan bahan bantu mengajar seperti *chatbots* dan tutor maya.
 - b. Penyelidikan dan Pembangunan: Membantu dalam analisis data yang bersifat besar untuk penyelidikan.

v. Meningkatkan Aksesibiliti Pendidikan

- a. Pembelajaran Jarak Jauh: Membolehkan pelajar mengikuti kursus secara dalam talian tanpa mengalokasi.
- b. Akses Pendidikan Bersifat Inklusiviti: Menyediakan teknologi bantuan untuk pelajar kurang upaya atau berkeperluan khas.

Isu dan Cabaran Dihadapi

Dalam mendepani perkembangan teknologi seperti AI yang menjadi keperluan dalam memacu tranformasi pendidikan, isu dan cabaran adalah elemen yang perlu diambil perhatian meskipun pada hakikatnya perkembangan teknologi memberi kesan positif. Menurut Hosni dan rakan-rakan (2023) menyatakan bahawa Teknologi *Artificial Intelligence* (AI) merupakan bidang yang sedang berkembang dan berpotensi merevolusikan cara hidup dan cara bekerja manusia. Ia merupakan satu transformasi yang mampu memacu perkembangan sesebuah negara. Perkembangan teknologi ini membuka peluang dan juga menyumbang kepada isu dan cabaran terhadap semua aspek kehidupan di bidang industri, kesihatan, ekonomi, pendidikan dan lain-lain lagi. Dalam konteks Pendidikan Tinggi Islam, antara isu-isu yang boleh berlaku adalah seperti rajah 3 berikut:




Rajah 3: Isu AI dalam Pendidikan Tinggi Islam

Sumber: Kajian Penyelidikan 2024

- i. **Pembangunan Kurikulum:** Kurikulum yang kadangkala tidak seimbang antara ilmu duniawi dan ukhrawi, serta kurang relevan dengan perkembangan semasa kerana teknologi yang mencerna segala kandungan tanpa diteliti oleh manusia.
- ii. **Pembiayaan:** Kos perbelanjaan yang digunakan bagi menyediakan keperluan akan terbatas untuk menjalankan program akademik, penyelidikan, dan pembangunan infrastruktur. Hal ini akan menyebabkan bajet yang dikeluarkan akan tinggi.

- iii. Infrastruktur dan Tenaga Mahir: Kemudahan fizikal dan teknologi yang tidak mencukupi untuk menyokong pembelajaran dan penyelidikan yang efektif disamping memerlukan tenaga mahir yang tinggi.

Selain dari isu-isu yang berlaku, terdapat juga beberapa cabaran bersifat global yang perlu dihadapi sepertimana rajah 4 berikut:



Rajah 4: Cabaran AI dalam Pendidikan Tinggi Islam

Sumber: Kajian Penyelidikan 2024

- i. Persaingan Global: Pendidikan tinggi Islam perlu bersaing dengan institusi antarabangsa yang lebih maju dalam menyediakan program berkualiti dan menarik pelajar.
- ii. Adaptasi Teknologi: Kesukaran dalam mengintegrasikan teknologi moden dalam pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.
- iii. Pengekalan Identiti: Cabaran untuk mengekalkan nilai-nilai dan identiti Islam dalam menghadapi arus globalisasi dan modernisasi yang pesat.

Dalam melaksanakan sesuatu perkara sudah pasti terdapat pelbagai isu dan cabaran yang akan dihadapi. Oleh itu, kita perlulah melihat itu dari sudut yang positif. Golongan muda yang cemerlang dalam pelbagai aspek seperti akademik, kemahiran, sahsiah dan jati diri amat diperlukan untuk menyumbang secara positif kepada kecemerlangan dan pengukuhan ekonomi serta masa depan negara (Mokhtar, 2014). Selain itu, nilai kepercayaan kepada agama merupakan suatu pegangan dan pedoman yang mempunyai peranan besar dalam mencorakkan kehidupan manusia terutamanya ajaran agama Islam (Mokhtar & rakan-rakan, 2021b).

Kesimpulan

Kesimpulannya, aspek pendidikan perlu menekankan kepada pembangunan insan yang berteraskan konsep madani yang menyeluruh dan holistik dengan kefahaman mendalam terhadap perkembangan ilmu-ilmu yang dipandu dengan tasawwur Islam. Pendidikan Tinggi Islam memegang peranan penting dalam memacu negara menuju aspirasi Malaysia Madani dengan memperkasa keilmuan dan akhlak, menyumbang kepada pembangunan negara, serta menggalakkan penyelidikan dan inovasi. Institusi Pendidikan Tinggi Islam berupaya

membentuk graduan yang berilmu, berakhlak, dan bersedia menghadapi cabaran global. Selain itu, peranan Pendidikan Tinggi Islam dalam membentuk individu yang berilmu dan berakhlak mulia perlu diterjemahkan melalui pembangunan ilmu yang berlandaskan teknologi terkini seperti teknologi *Artificial Intelligence* (AI). Ini bagi memastikan Islam menguasai bidang-bidang terkini yang mampu bersaing sesuai dengan hala tuju pendidikan tinggi yang memartabatkan Islam dalam semua aspek. Dengan menerapkan nilai-nilai tasawur Islam dalam Pendidikan Tinggi, Islam akan terus menjadi pemangkin utama dalam mencapai masyarakat yang madani dan harmoni serta menguasai kemahiran arus perdana pada peringkat global.

Penghargaan

Jutaan terima kasih kepada pihak Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) Keningau, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (PPIB, UMS) serta pihak Global Academic Excellence (GAE) di atas penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Abdullah, N., Maskur, H. & Roshila Abdul Mutalib, R. (2020). Penggunaan Aplikasi Kepintaran Buatan (AI) dalam PDP-Satu Kajian Kepustakaan. *Proceeding International Multidisciplinary Conference*. 265-271.
- Abdullah, S., Hussin, N. S., Tunku Ahmad, T. S., Rose, N. N., Basir, S. N. A., Azmin, A. A., & Ramli, A. J. (2023). Masyarakat Madani di Malaysia: Satu Penelitian. Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA) ke-2. 239-249.
- Adawiyah, A. S. R. & Dewinggi, T. (2019). Pendidikan Lingkungan pada Anak Usia Dini Melalui Penyediaan Tempat Sampah Serta Metode Simulasi. *Proceedings UIN Sunan Gunung Djati Bandung*, (1), 38.
- Asnawi, A. A., Mohd Jani, F. & Paul, H. (2021). *Analisis Perkembangan Sistem Pendidikan di Negara dan Hubungannya dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bernama. (2023). Membangun Malaysia Madani Bagi Bina Masa Depan Negara. *Sinar Harian*.
- Hosni, A., Md Ariffin, M. F. & Ishak, H. (2023). *Isu dan Cabaran ChatGPT Terhadap Pengajian Islam*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibrahim, A. (2023). *Membangun Negara Madani: Visi dan Krangka Dasar Transformasi*. Selangor: Institut Darul Ehsan.
- Ilma, M. & Alfian, R. N. (2020). Konsepsi Masyarakat Madani dalam Bingkai Pendidikan Islam. *MA'ALIM: Jurnal Pendidikan Islam*. Volume 1, Nombor 1, Julai 2020. 25-46.
- Ismail, A. M., Stapa, Z., Othman, M. Y., & Yaacob, M. (2012). Islam Dalam Pendidikan dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu di Malaysia. *Jurnal Hadhari Special Edition (2012)* 37 – 50.
- Ismail, M. H. (2023). Konsep Masyarakat Madani dalam Pemikiran Politik Imam al-Ghazali. Conference Paper March 2023. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Kementerian Pendidikan Malaysia Edisi Keempat. (2017). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Putrajaya.
- Md Noor, R., Abd. Rahim, R. A., Abd Majid, M. K., Ali, A. K., Abdul Kadir, N. A., Syed Jaafar, S. M. J. & Yusoff, N. (2017). Peranan Institut Pengajian Tinggi Islam dalam Pembangunan Modal Insan di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Kemanusiaan*, 12 (1). ISSN: 1675-1930. Universiti Teknologi Malaysia. 1-20.

- Meerangani, K. A., Badhrulhisham, A., Ibrahim, A. F. & Mat Johar, M. H. (2021). Integrasi Ilmu Islam dalam Pengajian Tinggi di Malaysia: Implementasi di Kolej Universiti Islam Melaka. *Jurnal 'Ulwan*. Special Issue II: Wanita dan Kesejahteraan Ummah. Jilid 6 (Bil.2) 2021: 212-228.
- Mohd Naw, M. Z. (2021). Perkembangan dan Cabaran Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, (6)6.
- Mohd Noor, R. (2017). Peranan Institut Pengajian Tinggi Islam dalam Pembangunan Modal Insan Di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Kemusiaan*, (12)1.
- Mohd Nor, M. R. & Wan Othman, W. M. T. (2011). *Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mokhtar, S. (2014). Strategi Pelaksanaan Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan Penilaian Modul Kerohanian di Penjara Sandakan. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mokhtar, S., & Thia, K. (2023a). Tahap Penerimaan dan Keberkesanan Kursus Tasawwur Islam Dalam Kalangan Mahasiswa Asasi di Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Modern Education*, 5 (17), 56-69.
- Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H. H., Muis, A. M. R. A., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Lukin, S. A. (2021e). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Kitab al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*. Vol. 6. Issue 23. April 2021. 140-156.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Abu Bakar, A. L., & Esa, M. S. (2021d). Kelangsungan Pengajaran dan Pembelajaran Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Penularan Covid-19 Menerusi Online: Satu Resolusi Kementerian Pendidikan Malaysia. *Journal of Information System and Technology Management*, 6 (23), 34-46.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Ationg, R., & Esa, M. S. (2021b). Implementasi Dakwah Terhadap Etnik Sungai di Sabah: Satu Analisis Awal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 164 - 178.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Ramlie, H. A., & Ariffin @ Eduny, S. (2022a). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru Di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 96-111.
- Mokhtar, S., Shah, M. K. M., Ramlie, H., Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S. & Marinsah, S. A. (2021a). Rekayasa Dakwah KBAT dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*. Volume 6 Issue 39 (Mei 2021). 178-193.
- Mokhtar, S., Sharif Adam, S. D., Othman, I. W., & Esa, M. S. (2022b). Facebook: Satu Platform dalam Membentuk Kesepaduan Nasional di Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 295 - 308.
- Mokhtar, S., Thia, K., Esa, M. S., Ibrahim, M. A., Talib, M. N. M. (2023b). Peranan Media Digital Dalam Dakwah Kontemporari Bagi Membentuk Kesepaduan Nasional Masyarakat di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (31), 47-60.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I.W., & Moharam, M.M.H. (2021c). Prospek Pengajaran dan Pembelajaran Online Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pandemik Covid-19 di Sandakan, Sabah: Cabaran dan Signifikan. Prosiding 5th International

Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021. 03 - 05 August 2021. 348-359.

Mokhtar, S., Thia, K., Ramlie, H.A., & Muis, A.M.R.A (2019). Falsafah Pendidikan Islam Merentas Kurikulum Alaf Ke-21. Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian.

Omar, N. I. (2023). *Impak Artificial Intelligence Terhadap Pendidikan Negara*. Pulau Pinang: Politeknik Seberang Perai.

Othman, N. S., Mohammed Zabidi, M., Mohammed Zabidi, A. F. & Mohd Burhani, N. (2024). Penghayatan Konsep Ihsan Dalam Pendidikan Berdasarkan Kitab Ihya' 'Ulumuddin. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, (33)3.

Sulaiman, I. (2023). Memahami konsep Malaysia Madani. *Utusan Malaysia*.